

Bacalah!

Sudah siap!

Teras Kebudayaan Nasional

oleh: Mahmud bin Ahmad

Buku yang berharga ini menghuraikan soal-soal kebudayaan dan asal-usul bangsa Melayu. Masalah-masalah yang dikupasnya itu terkandung di dalam sebelas fasal, iaitu: Asal-usul kebudayaan Melayu, penjelasan tentang kebudayaan, erti kebudayaan, timur dan barat, berbagai-bagai kesedaran, buruk dan baik dalam kebudayaan, susunan kebudayaan, kepentingan bersama dalam kebudayaan, mati atau hidupnya kebudayaan, peninjauan semula tentang kebudayaan kita, tanggungjawab terhadap kebudayaan.

Buku ini sungguh bernilai, bukan sahaja kerana pengarangnya seorang ahli kebudayaan, tetapi juga kerana buah fikiran yang dikemukakannya telah diterima oleh Kongres Kebudayaan Melayu yang pertama, dan telah melahirkan sembilan keputusan, yang salah satu di antaranya berbunyi: "Bahawa kebudayaan Melayu yang tidak bertentangan dengan agama Islam adalah menjadi kebudayaan kebangsaan Tanah Melayu."

Tebalnya 82 muka, bertulis rumi, di atas kertas yang baik, dan kulitnya dicetak dengan perada perak. Harganya \$1.50 pos 10 sen.

* * *

Kesan Kesusasteraan Tua di Tanah Air

oleh: Abdullah bin Haji Musa (Lubis)

Sebuah buku yang bermutu, yang mengupas dengan lanjut akan perkembangan kesusasteraan Melayu dari zaman ke zaman, meliputi berbagai-bagai jenis hikayat dan syair yang dikarang atau diterjemahkan oleh pujangga-pujangga Melayu dahulu, terutama mengenai pantun, seloka dan gurindam yang indah-indah- bentuk dan isinya.

Dicetak dengan tulisan rumi, di atas kertas yang baik, tebalnya 106 muka.

Harganya \$2.00 senaskhah, pos 10 sen.

Pesan kepada:

Qalam

Pencetak dan Penerbit

356/8, Geylang Road, Singapore, 14.